

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEINGINAN
MELANCONG DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA**

NUR AZWANI BINTI ABDULLAH

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

**Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia**

JANUARI 2013

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada penyelia kajian ini iaitu Cik Robiah binti Suratman yang banyak membantu dan memberi segala tunjuk ajar serta bimbingan kepada saya dalam usaha menyempurnakan kajian ini.

Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada ahli keluarga yang selalu memberi dorongan, semangat, dan nasihat kepada saya. Terima kasih juga ditujukan kepada teman-teman seperjuangan yang banyak memberikan pendapat serta komen membina sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pelajar yang bekerjasama dengan saya dalam menjawab borang soal selidik. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung semasa saya membuat kajian ini.

Sekian terima kasih buat semua dari saya.....

ABSTRAK

Faktor penentu yang mempengaruhi pemilihan sesebuah destinasi oleh golongan pelajar adalah amat penting untuk dikaji dalam usaha membangunkan sebuah destinasi pelancongan. Pemilihan destinasi berkenaan adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang mana ianya lebih kepada faktor keinginan untuk bersiar-siar, melihat dunia luar, mengenali budaya negara lain dan sebagainya. Faktor-faktor yang berkaitan boleh dibahagikan kepada dua faktor iaitu faktor dalaman dan juga faktor luaran yang mana lebih dikenali sebagai faktor motivasi. Faktor motivasi inilah yang mendorong golongan pelajar untuk pergi bercuti. Faktor dalaman terdiri daripada empat faktor iaitu psikologi, fizikal, hubungan tindak balas dan penjelajahan/tinjauan. Manakala faktor luaran pula dibahagikan kepada faktor *tangible dan intangible*. Selain itu, faktor sosio-psikologi, faktor personal dan faktor persekitaran juga memberi impak kepada pemilihan pelajar dalam membuat keputusan untuk melancong. Setiap pemilihan adalah dipengaruhi oleh faktor motivasi dari pelbagai pihak seperti keluarga, kawan-kawan, adik beradik dan sebagainya. Data penyelidikan ini diperolehi melalui borang soal selidik yang terdiri daripada pelajar tahun 1 hingga tahun 4. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif. Diharapkan dengan pengenalpastian keinginan pelajar untuk melancong akan membantu pihak pengurusan universiti untuk memperbanyakkan lagi aktiviti ke arah pelancongan.

ABSTRACT

Determinants that influence the selection of a destination by the students are very important to be studied in order to develop a tourism destination. The choice of destinations is due to several factors which is more of a factor desire to wander, to see the outside world, to know the culture of other countries and so on. Related factors can be divided into two factors: internal factors and external factors which are referred to as a motivation factor. These motivation factors encourage the students to go on vacation. Internal factors consist of four factors, psychological, physical, and exploration of the relationship of reaction / review. Meanwhile external factors are divided into tangible and intangible factors. In addition, the socio-psychological factors, personal factors and environmental factors also have an impact on students' choice in deciding to travel. Each selection is influenced by motivation from various sources such as family, friends, and siblings and so on. Data for the research was obtained through questionnaires consisting of students in years 1 through 4. Then, data obtained from the survey are analyzed quantitatively through descriptive analysis. Hopefully with the identification of students desire to travel will help the management of the university to further increase activity towards tourism.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN	ii
	PENGAKUAN	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat dan Objektif Kajian	4
	1.4 Skop Kajian	4
	1.5 Kepentingan Kajian	5
	1.5.1 Pelajar	5
	1.5.2 Pelancong	5
	1.5.3 Ahli Akademik dan Pengkaji Lain	6
	1.6 Metodologi Kajian	6
	1.6.1 Peringkat Awal	7
	1.6.2 Peringkat Kajian Literatur	7

1.6.3	Peringkat Pengumpulan Data	8
1.6.4	Peringkat Analisis Kajian	8
1.6.5	Cadangan dan Kesimpulan	9
1.7	Susunan Bab	9
2	MOTIVASI PELANCONG	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Definisi	13
2.2.1	Definisi Pelajar	13
2.2.1.1	Pelajar Tempatan	13
2.2.1.2	Pelajar Antarabangsa	14
2.2.2	Definisi Pelancongan	14
2.2.3	Definisi Pelancong	17
2.2.3.1	Jenis-jenis Pelancong	18
2.2.4	Definisi Melancong	19
2.2.5	Definisi Motivasi	20
2.3	Jenis-jenis Pelancongan	21
2.4	Sektor-sektor Pelancongan	25
2.4.1	Sektor Penginapan	26
2.4.2	Sektor Makanan dan Minuman	26
2.4.3	Sektor Tarikan	26
2.4.4	Sektor Perniagaan Lawatan	27
2.4.5	Sektor Perkhidmatan Pelancongan	27
2.4.6	Sektor Pengembaraan dan Rekreasi	28
2.4.7	Sektor Pengangkutan	28
2.4.8	Sektor Aktiviti dan Mesyuarat	29
2.5	Faktor-Faktor Utama Dalam Membuat Keputusan Untuk Melancong	29
2.5.1	Faktor Sosio-psikologi	30
2.5.2	Faktor Peribadi	32
2.5.3	Faktor Persekitaran	35

2.6	Motivasi Dalam Pelancongan	36
2.6.1	Konsep Motivasi Pelancong	37
2.6.2	Faktor-faktor Motivasi Pelancong	39
2.6.2.1	Faktor Tolakan	41
2.6.2.2	Faktor Tarikan	42
2.7	Model Pemilihan Destinasi Pelancongan	45
2.7.1	Model Um dan Crompton	45
2.7.2	Model Woodside dan Lysonki	46
2.8	Insentif Melancong Di Kalangan Pelajar Di Malaysia	48
2.8.1	Program Pembangunan Belia	49
2.8.2	Program Pelancongan Pelajar (3P)	50
2.8.3	Kad Diskaun Siswa 1Malaysia	52
2.9	Kesimpulan	53
3	KAJIAN KES : UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	54
3.1	Pengenalan	54
3.2	Sejarah Universiti Teknologi Malaysia, Skudai	54
3.3	Lokasi dan Keluasan Universiti Teknologi Malaysia	56
3.4	Guna Tanah dalam Universiti Teknologi Malaysia	57
3.4.1	Fakulti-fakulti Pengajian di UTM Skudai	58
3.4.2	Kolej Kediaman Pelajar	59
3.4.3	Kemudahan Rekreasi (Kampus Ekopelancongan)	60
3.5	Bilangan Pelajar UTM	61
3.6	Insentif Pendedahan Pelajar di UTM	62
3.6.1	Global Outreach Program (GOP)	63
3.6.2	Program Pertukaran Pelajar	67
3.6.3	Program <i>Summer School</i>	68
3.6.4	Aktiviti Kolej Kediaman	70
3.6.5	Aktiviti Yang Berasaskan Akademik	71
3.7	Kesimpulan	71

4	METODOLOGI DAN ANALISIS KAJIAN	73
4.1	Pengenalan	73
4.2	Kaedah Pengumpulan Data	74
4.2.1	Borang Soal Selidik	75
4.3	Kaedah Analisis Data	75
4.3.1	Kaedah Analisis Kekerapan (Frequency)	76
4.3.2	Kaedah Analisis Jadual Penyilangan (Crosstab)	76
4.3.3	Kaedah Analisis Penskalaan Likert (Likert Scalling)	77
4.4	Hasil Analisis kajian	78
4.4.1	Analisis Latar Belakang Responden	79
4.4.1.1	Analisis Responden Mengikut Jantina dan Umur	79
4.4.1.2	Analisis Responden Mengikut Pendapatan, Umur dan Status	81
4.4.1.3	Analisis Responden Mengikut Jantina dan Lawatan Bersama	82
4.4.1.4	Analisis Responden Mengikut Jantina, Kekerapan bercuti dan sumber pendapatan	83
4.4.2	Analisis Faktor Yang Mempengaruhi motivasi Untuk melancong	85
4.4.3	Analisis Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Destinasi Pelancongan	87
4.4.3.1	Faktor Dalaman-Faktor Psikologi	89
4.4.3.2	Faktor Dalaman-Faktor Fizikal	91
4.4.3.3	Faktor Dalaman-Hubungan Tindakbalas	92
4.4.3.4	Faktor Dalaman-Penjelajahan/Tinjauan	94
4.4.3.5	Faktor Luaran-Faktor Tangible	96
4.4.3.6	Faktor Luaran-Faktor Intangible	101
4.5	Kesimpulan	102

5	PENEMUAN DAN CADANGAN	104
5.1	Pengenalan	104
5.2	Pencapaian objektif	105
5.2.1	Pencapaian Objektif Pertama	105
5.2.2	Pencapaian Objektif Kedua	106
5.3	Cadangan dan Penyelesaian	106
5.3.1	Penyelidikan	107
5.3.2	Aktiviti	107
5.4	Limitasi kajian	108
5.5	Cadangan kajian lanjutan	108
5.6	Kesimpulan	109
	BIBLIOGRAFI	110
	LAMPIRAN	113

SENARAI JADUAL

BIL. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Fakulti-Fakulti Di UTM	58
3.2	Bilangan Mahasiswa UTM Bagi Tahun 2012	62
3.3	Aktiviti Pertukaran Pelajar Antara UTM Dan Universiti Luar Negara	67
3.4	Senarai Program <i>Summer School</i> Tahun 2011	68
4.1	Skala Tahap Kepuasan	77
4.2	Analisis Responden Mengikut Jantina Dan Umur	80
4.3	Analisis Responden Mengikut Pendapatan, Umur Dan Status	81
4.4	Analisis Responden Mengikut Jantina Dan Lawatan Bersama	82
4.5	Analisis Responden Mengikut Kekerapan Bercuti, Sumber Pendapatan Dan Jantina.	84
4.6	Analisis Responden Mengikut Jantina Dan Bentuk Percutian	86
4.7	Pembentukan Indeks Untuk Faktor Dalaman	88
4.8	Pembentukan Indeks Untuk Faktor Luaran	88
4.9	Nilai Skor	89
4.10	Faktor Psikologi Mengikut Nilai Indeks Skor	90
4.11	Faktor Fizikal Mengikut Nilai Indeks Skor	91
4.12	Hubungan Tindakbalas Mengikut Nilai Indeks Skor	93
4.13	Penjelajahan/Tinjauan Mengikut Nilai Indeks Skor	94
4.14	Faktor Tangible Mengikut Nilai Indeks Skor	96

4.15	Faktor Intangible Mengikuti Nilai Indeks Skor	101
------	---	-----

SENARAI RAJAH

BIL. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta Alir Kajian	11
2.1	Aspek Pelancongan	15
2.2	Elemen Utama Dalam Pengertian Pelancongan	17
2.3	Teori Maslow	21
2.4	Sektor-Sektor Dalam Industri Pelancongan	25
2.5	Proses Motivasi	38
2.6	Teori Maslow : “The Leisure Ladder”	39
2.7	Pembolehubah Motivasi	41
2.8	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Destinasi Pelancongan	44
2.9	Model Proses Pemilihan Destinasi Pelancongan	46
2.10	Model Kesedaran Dan Pemilihan Destinasi	47
2.11	Kad Diskaun Siswa 1Malaysia	52
3.1	Universiti Teknologi Malaysia, Skudai	57
3.2	Jumlah Penyertaan Mahasiswa Mengikut Fakulti	65
3.3	Global Outreach Programme Di China, 2011	66
3.4	Perbincangan Antara Pelajar FAB Dan Pelajar UNIBO	67
3.5	Peserta Program <i>Harvard Summer School</i> Bersama Datuk Naib Canselor	69
3.6	Aktiviti-Aktiviti Yang Berasaskan Akademik	71
4.1	Carta Alir Kaedah Pengumpulan Data Primer	74
4.2	Analisis Umur Responden	80

4.3	Analisis Responden Mengikut Jantina Dan Lawatan Bersama	83
4.4	Analisis Responden Mengikut Kekkerapan Bercuti Dan Sumber Pendapatan	85
4.5	Analisis Responden Mengikut Jantina Dan Bentuk Percutian	86

SENARAI SINGKATAN

WTO	World Tourism Organization
Program 3P	Program Pelancongan Pelajar
MOCAT	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Pelancongan
SPSS	Statistical Package for Science Social
UPEN	Unit Perancangan Ekonomi Negeri
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
GOP	Global Outreach Program
HBS	Harvard Summer School

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	109
B	Pengiraan Julat Indeks	114

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Sektor pelancongan mempunyai potensi baik untuk pertumbuhan ekonomi sesebuah negara sama ada bagi negara maju atau negara yang sedang membangun. Ianya tidak menjadi satu kejutan lagi sekiranya pelancongan dijadikan sebagai komoditi utama dalam agenda pembangunan. Oleh sebab itu, sektor pelancongan digelar sebagai “enjin pertumbuhan ekonomi negara” atau “nadi ekonomi negara” (Lynn, 1992). Destinasi-destinasi pelancongan merupakan aset penting sebagai sumber kekayaan sesebuah negara kerana ia mampu menarik ramai pelancong yang seterusnya dapat membawa perubahan positif dalam ekonomi negara (Var dalam Theobald, 1994).

Hasilnya sejak sedekad yang lalu, Malaysia merupakan destinasi pelancongan paling ramai di lawati pelancong asing di ASEAN dan antara yang paling bersaing di Asia (ASEAN Secretariat, 2010). Pada tahun 1990, dengan pelancaran Tahun Melawat Malaysia, ketibaan pelancong asing mencatat jumlah seramai 7.4 juta dan RM4.5 bilion perolehan daripada pelancong. Jumlah ini mencatat peningkatan kepada 22 juta pelancong pada 2008 dengan perolehan sejumlah RM49.6 bilion. Jumlah ini meningkat lagi pada 2010 dengan catatan ketibaan dan perolehan sejumlah masing-masing RM24.6 juta dan RM56.5 juta. Dari segi pertumbuhan,

dalam tempoh sekitar 6.19% dan 13.5% masing-masing dari segi ketibaan dan perolehan pelancongan. Pertumbuhan ini mengatasi pertumbuhan purata industri pelancongan antarabangsa yang mencatat pertumbuhan sekitar 4% dan 6.6% untuk ketibaan dan perolehan pelancongan (UNWTO Tourism Highlight, 2010). Perangkaan ini membuktikan kebolehpasaran Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan perlu terus dibangunkan sebagai industri yang menjana pendapatan ekonomi negara.

Cabaran sebenar memajukan sektor pelancongan sambil menekankan pelancongan berkekalan dalam negara ini ialah memberi pendidikan yang berkesan yang dapat memberi pengalaman dan manfaat kepada para pelajar terutamanya generasi di peringkat sekolah lagi. Sebagai contoh, negara Amerika dan Australia telah mempunyai polisi pendidikan pelancongan sendiri kerana merasakan pendidikan sebegini adalah sangat penting dalam membawa negara mereka sebagai destinasi pelancongan utama dunia (Nurkhaznee, 2007).

Pelancongan belia adalah salah satu daripada sektor pelancongan yang ketara berkembang dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Organisasi Pelancongan Dunia (WTO) percaya bahawa perjalanan belia adalah segmen pelancongan yang paling pesat berkembang (Anjou, 2004). Menurut WTO 2001, pelancongan belia mewakili kira-kira 20% (RM140 juta) daripada semua ketibaan pelancong antarabangsa setiap tahun. Kira-kira 1/5 daripada semua perjalanan pelancongan di dunia adalah melibatkan golongan muda yang berumur antara 15-25 tahun (Klampaiboom, 2006 dalam Lin Sin Nge, 2009).

Belia yang terdiri daripada kumpulan pelajar dan pekerja muda merupakan tenaga penggerak kepada sektor pelancongan negara. Menyedari tentang kepentingan penyertaan belia dalam pelbagai sektor negara, beberapa program pembangunan belia telah direncanakan. Antaranya termasuklah yang dikendalikan di bawah pihak kementerian seperti Program 3P (Program Pelancongan Pelajar) dibawah Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.2 Pernyataan Masalah

Di Malaysia, Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR) merangka pelbagai dasar dan strategi dengan kerjasama agensi-agensi lain untuk menggalakkan orang ramai pergi melancong dalam dan luar negara termasuklah pelajar sendiri terutamanya musim cuti termasuk pada hujung minggu, cuti sekolah dan cuti-cuti am.

Sehubungan ini, Program Cuti-cuti Malaysia yang telah diperkenalkan pada tahun 1999 yang mensasarkan penglibatan pelancong pelajar dan juga belia yang lebih aktif (Laporan Akhir Tourism Research Circle, 2006). Selain itu, kerajaan juga telah mengumumkan cuti hujung minggu yang lebih panjang iaitu pada hari Sabtu dan Ahad serta cuti-cuti umum lain untuk terus merangsang pertumbuhan sektor pelancongan. Kajian oleh Tourism Research Circle (2006) pula menganggarkan bahawa secara puratanya golongan pelajar melakukan antara 1-3 kali perjalanan pada setiap tahun. Memandangkan terdapat kira-kira 5 juta pelajar di negara ini, angka perjalanan dalam kalangan mereka seharusnya perlu diberi perhatian.

Sungguhpun pasaran pelancongan belia ini diakui penting dan mampu memberi pulangan yang positif kepada sektor pelancongan negara, namun masih terdapat kekurangan dalam menyokong pertumbuhan ini. Hal ini memberi satu tanda tanya kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pelancongan berhubung dengan corak motivasi pelancong dalam membuat pilihan destinasi pelancongan. Pelbagai persoalan boleh dikemukakan berhubung dengan pilihan dan tujuan samada digunakan sepenuhnya oleh pelajar untuk pergi bercuti berdasarkan kepada elemen seperti tarikan yang terdapat di kawasan destinasi, faktor keselamatan dan sebagainya. Selain itu, persepsi pelajar terhadap pelancongan dan juga kemudahan yang disediakan juga akan cuba dirungkai di dalam kajian ini dengan lebih terperinci.

1.3 Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk menentukan faktor yang mempengaruhi keinginan pelajar untuk melancong dalam pemilihan destinasi pelancongan mereka. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut, iaitu:

- i. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar untuk melancong.
- ii. Mengkaji faktor yang mempengaruhi pemilihan destinasi pelajar dalam membuat percutian.

1.4 Skop Kajian

Dalam penyelidikan ini, ianya lebih tertumpu kepada pemilihan pelajar dalam membuat pilihan ke destinasi percutian mereka dan faktor yang mempengaruhi pemilihan mereka ke destinasi tersebut. Hal ini adalah untuk melihat kepada keinginan pelajar dan juga kemampuan mereka dalam memainkan peranan membuat pilihan untuk menentukan destinasi pelancongan mereka.

Skop kajian yang akan dikaji hanya melibatkan pelajar di UTM Skudai sahaja yang mana ianya pelajar UTM ini terdiri daripada pelajar pra-siswazah dari tahun 1 hingga tahun 4. Pemilihan ini adalah untuk melihat kepada keupayaan mereka dalam membuat percutian adakah mereka ini berkemampuan dari segi kewangan dan juga faktor yang menyebabkan mereka ingin bercuti. Pemilihan kajian ini akan menggunakan seramai 136 orang pelajar sebagai responden.

1.5 Kepentingan Kajian

Melalui penghasilan kajian ini, maka diharapkan satu gambaran yang jelas dapat dihasilkan mengenai gelagat pengunjung dalam membuat pemilihan ke sesuatu destinasi pelancongan kepada pihak yang berkaitan. Oleh yang demikian, kajian ini dijangkakan dapat memberi manfaat kepada tiga kelompok utama iaitu:

- i. Pelajar
- ii. Pelancong
- iii. Ahli akademik dan pengkaji lain

1.5.1 Pelajar

Untuk kajian ini, diharapkan dapat memberikan ilmu pengetahuan yang baru khususnya kepada para pelajar dalam mengenalpasti keperluan mereka serta menghasilkan idea-idea yang bernas dalam membantu negara melaksanakan matlamat pembangunan mampan melalui pencapaian dalam bidang, sektor dan industry masing-masing.

1.5.2 Pelancong

Dalam kajian ini, pelancong merupakan peranan yang penting dalam membuat pilihan untuk melancong. Melalui kajian yang dilakukan ini, penulis dapat mengetahui apakah faktor yang mempengaruhi pelancong dalam membuat pilihan dan apakah tujuan mereka ke destinasi berkenaan. Selain itu juga, diharapkan ianya

akan memberi manfaat kepada pelancong dalam mengurus dan memilih destinasi pilihan mereka menerusi elemen-elemen yang ada.

1.5.3 Ahli Akademik dan Pengkaji Lain

Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pelajar dan ahli akademik. Ia juga boleh dijadikan sebagai rujukan ilmiah kepada pengkaji lain yang ingin membuat kajian lebih lanjut mengenai topik ini

1.6 Metodologi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, satu cara kerja atau kaedah yang sistematik perlu dibentuk dari peringkat awal sehinggalah peringkat akhir kajian. Hal ini penting untuk memastikan kajian tidak tersasar daripada matlamat dan objektif kajian yang ingin dicapai. Malah kaedah atau cara kerja yang sistematik ini penting kerana ia turut akan mempengaruhi keputusan akhir kajian.

Oleh yang demikian, bagi melaksanakan kajian ini, penulis menggunakan teknik pengumpulan data secara kuantitatif bagi mencapai kedua-dua objektif. Segala data dan maklumat akan diperolehi melalui pengedaran borang selidik kepada responden berkaitan disamping rujukan dalam bentuk dokumen, buku, laporan dan sebagainya. Secara umumnya, terdapat lima (5) peringkat yang perlu dijalankan iaitu peringkat awal, peringkat kajian literatur, peringkat pengumpulan data, peringkat menganalisis kajian dan akhir sekali peringkat cadangan dan kesimpulan.

1.6.1 Peringkat Awal

Pada peringkat pertama, kajian akan memfokuskan kepada penetapan matlamat, objektif, pernyataan masalah, latar belakang kajian, skop, kepentingan, metodologi serta susunan bab kajian untuk memastikan tumpuan kajian tidak tersasar atau lari daripada lingkungan topik yang dikaji

1.6.2 Peingkat Kajian Literatur

Pada peringkat kedua iaitu kajian literatur, konsep asas secara teori mengenai faktor keinginan pelajar untuk melancong akan dikaji dengan mendalam untuk melihat gambaran keseluruhan kajian. Konsep asas ini termasuklah definisi pelancong dan melancong secara umum, definisi pelancongan, definisi motivasi, konsep-konsep dalam membuat keputusan untuk melancong di kalangan pelajar, motivasi pelancong, faktor-faktor motivasi yang mempengaruhi keinginan pelajar untuk melancong, pendekatan motivasi pelancong, jenis-jenis percutian yang dipertimbangkan oleh pelajar itu sendiri.

Selain itu, rujukan daripada negara luar juga turut akan dibuat untuk melihat tahap pemilihan pelancong dalam pemilihan destinasi pelancongan. Pada peringkat ini juga, faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan dan juga tujuan ke arah pemilihan destinasi pelancongan juga akan dikaji, serta kepentingannya dalam memenuhi kehendak pemilihan destinasi kepada agensi pelancongan, pelajar dan juga kepada pihak yang berkaitan.

1.6.3 Peringkat Pengumpulan Data

Pada peringkat ini, segala maklumat dan data yang berkaitan akan dikumpul untuk membantu menjayakan kajian ini. Namun demikian, pengumpulan data akan dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu data primer dan data sekunder.

Data primer merupakan sumber pengumpulan data dan maklumat yang paling utama dalam sesebuah kajian. Bagi kajian ini, sumber data diperolehi daripada pengedaran borang soal selidik yang dibuat kepada responden yang berkaitan. Dalam memperolehi data bagi kedua-dua objektif, sebanyak 136 borang soal selidik diedarkan kepada responden yang mana terdiri daripada pelajar Universiti Teknologi Malaysia dari Tahun 1 pengajian sehingga Tahun 4.

Data sekunder pula merupakan sumber data kedua yang sangat penting untuk menyokong huraian dalam kajian. Data-data ini biasanya diperolehi daripada kajian-kajian terdahulu seperti projek tahun akhir, buku, majalah, laporan, jurnal, artikel, keratan akhbar, kertas seminar, statistik, laman sesawang dan sebagainya. Data-data ini membantu dalam melihat situasi-situasi semasa dan tahun-tahun sebelumnya untuk mengkaji isu dan masalah yang timbul serta membantu proses analisis

1.6.4 Peringkat Analisis Kajian

Setelah segala maklumat yang diperlukan dikumpul, maklumat-maklumat dan data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan kaedah *Likert Scale* di dalam SPSS 16.0 untuk melihat perkaitannya dengan isu yang dikaji. Pada peringkat ini, data primer yang diperolehi digunakan untuk tujuan analisis. Cadangan dan kesimpulan dilakukan berdasarkan analisis data yang diperolehi.

1.6.5 Cadangan dan Kesimpulan

Peringkat ini merupakan peringkat terakhir kajian, dimana proses penetapan keputusan hasil daripada analisis kajian yang telah dibuat. Keputusan yang dibentuk adalah berdasarkan pencapaian matlamat serta objektif-objektif kajian yang telah dibentuk pada peringkat awal. Rumusan daripada hasil kajian diikuti dengan beberapa cadangan untuk kajian akan datang akan dibentuk bagi meningkatkan mutu serta menambah baik subjek kajian mengikut peredaran semasa. Oleh itu, secara ringkasnya carta alir metodologi kajian ditunjukkan dalam **Rajah 1.1** yang menerangkan proses-proses kajian mengikut peringkat.

1.7 Susunan Bab

Kajian ini merangkumi enam (6) bahagian atau pecahan bab yang utama iaitu :

a) Bab 1

Bab yang pertama ini menerangkan secara jelas tentang tujuan atau objektif yang sebenar kajian ini. Selain daripada itu, permasalahan kajian, matlamat kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan disertakan dengan susunatur setiap bab yang merangkumi secara keseluruhan dalam kajian ini.

b) Bab 2

Bab ini menjelaskan secara keseluruhan definisi, latar belakang, konsep-konsep yang berkaitan dengan pelancongan, sektor-sektor yang terlibat dan juga

faktor motivasi dalam kajian ini. Di samping itu, dalam bab ini juga dijelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan destinasi dalam membuat percutian. Selain daripada itu, dua jenis model turut diperbincangkan untuk melihat kepada keupayaan pelajar dalam melakukan aktiviti pelancongan ini.

c) Bab 3

Bab ini menerangkan berkenaan dengan kawasan kajian yang dipilih iaitu Universiti Teknologi Malaysia yang merangkumi latar belakang kawasan kajian, jumlah fakulti dan jumlah bilangan pelajar. Selain itu, bab ini juga menjelaskan mengenai insentif yang disediakan oleh pihak universiti.

d) Bab 4

Bab ini pula menghuraikan tentang metodologi dan juga bentuk analisis yang digunakan untuk menghasilkan analisis kajian. Segala data, bentuk pengumpulan data diterangkan di dalam bab ini.

e) Bab 5

Bab ini berkaitan dengan penemuan dan cadangan dari pengujian yang telah dilaksanakan berdasarkan objektif yang telah digariskan. Dalam bab ini juga mengandungi pengenalan, limitasi kajian, cadangan kajian, cadangan lanjutan dan kesimpulan.

BIBLIOGRAFI

Alain Decrop (2006). *“Vacation Decision Making”* Printed And Bound In The UK
By Cromwell, Browbrigde.

Anita Zehrer & Hubert Siller (2007), *Destination Goods As Travel Motives - The
Case Of The Tirol*. Tourism Review, Vol. 62 Iss: 3 pp. 39 - 46

Anjou, A. D (2004). *Youth Tourism In Canada : A Situational Analysis Of An
Overlooked Market*. Canada: Youth Tourism Consortium Of Canada.

Chia Mei Kee (2011), *Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Bangunan Kolej
Kediaman 9 Dan 10 Di UTM*, Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah, UTM

Crompton J, (1979). *Motivations For Pleasure Travel*. Annual Of Tourism Research
6,408-424.

Dann G (1981). *Tourism Motivation And Appraisal*. Annals Of Tourism Research **9**,
187-219.

Gee, C.Y., Makens, J.C. And Choy, D. J. L. (1997). *The Travel Industry*. New York ,
Van Nostrand Reinhold

Hanirah Bt Mohamad Nur (2007). *Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan
(Kajian Kes : Daerah Johor Bahru)*, Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi
Malaysia

- Hanziq ZQ , Lam T (1999), *An Analysis Of Mainland Chinese Visitor's Motivation To Visit Hong Kong*.
- How Lay Lim , 2011 , *Tahap Kepuasan Pelajar Antarabangsa Terhadap Kemudahan Fizikal UTM Ke Arah University Bertaraf Dunia*, Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah, UTM
- J. Christopher Holloway And Neil Taylor (2006). *The Business Of Tourism*, Seventh Edition.
- Lieper N (2004) *Tourism Management* (3rd Edition). Pearson Hospitality Press, Malaysia.
- Lin Sin Nge (2006). *Group Travel Characteristics Among Student's Societies In UTM Skudai, Johor, Malaysia*. Fakulti Alam Bina, UTM Skudai.
- Mohd Hafiz Mohd Hanafiah (2010), *Malaysian Tourists' Motivation Towards Outbound Tourism, Faculty Of Hotel And Tourism Management, UITM Shah Alam*.
- Muhammad Uzair Azizan (2011), *Pelaksanaan Konsep Kampus Lestari Di Universiti Teknologi Malaysia*, Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah, UTM.
- New Gaik Ling, Jabil Mapjabil (2012), *Faktor Yang Mempengaruhi Kunjungan Ulangan Pelancong Antarabangsa : Suatu Ulasan USM Pulau Pinang*. Malaysia Journal Of Society And Space **8** Issue 3 (1 - 11).
- Nurkhaznee Bte Muhammad Khalid (2007), *Penerapan Pelancongan Di Sekolah Melalui Pelaksanaan Kelab Pelancongan Pelajar*, Fakulti Alam Bina, UTM.
- Oka A.Yoeti, (1988). *Pemasaran Pelancongan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988.

- Pearce, D. (1988) *“Torism Development”* Longman Scientific And Techical, New York.
- Quan S, Wang N, (2004). *Towards A Structural Model Of The Tourist Experience: An Illustration From Food Experience In Tourism*. *Tourism Management* **25** (3), 297–305.
- Ryan C, (1991). *Recreational Tourism: A Social Science Perspective*. Routledge, New York.
- Ryan C,(1997). *The Tourist Experience: A New Introduction*. Cassell, London.
- Tay Swee Tiam (2009), *Pembangunan Semula Zon Warisan Kepada Perniagaan Berasaskan Pelancongan, Kajian Kes: Jalan Bunga Raya, Bandaraya Melaka Bersejarah*, Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah, UTM
- Uysal M, Jurowski C, (1994). *Testing The Push And Pull Factors*. *Annual Of Tourism Research* **21** (4), 844-846.
- Yoon Y, Uysal M, (2005). *An Examination Of The Effects Of Motivation And Satisfaction Of Destination Loyalty: A Structural Model*. *Tourism Management* **26** (1), 45-56.
- Laporan Program Pertukaran Staf Dan Pelajar Fakulti Alam Bina (Utm) Ke Università Di Bologna (Itali) Dan Lawatan Sambil Belajar Di Negara-Negara Eropah. (UNIBO 2008).
- Program Transformasi Ekonomi Hala Tuju Untuk Malaysia , Bab 10 Pelancongan
- Laporan Tahunan Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
- Laporan Tahunan Universiti Teknologi Malaysia, 2011.
- World Tourism Organization (UNWTO) *Tourism Highlights 2010*